

Gigi palsu Suhaimi terbang

ACARA silat memang menarik untuk ditonton. Ia sentiasa penuh dengan detik-detik menarik dan mendebarkan. **- 8 MAR 1990**

Tetapi dalam satu perlawanan acara ini pagi semalam, satu insiden yang lucu telah berlaku. Ia tidak ada kaitan dengan insiden peserta ditendang sehingga keluar gelanggang.

Apa yang melucukan pada pertengahan perlawanan antara Suhaimi Salam dari Brunei dengan Kampanat Keodamongchai dari Thailand, tiba-tiba peserta tuan rumah mendapati gigi palsunya terbang daripada mulutnya. Jadi, dapat dibayangkan seluruh penonton terbahak-bahak ketawa dan Suhaimi terpaksa tersenyum saja.

● SAMA ada perkara ini benar ataupun tidak adalah sukar dibuktikan. Tetapi strategi yang kurang semangat kesukuan pernah terjadi.

Pesilat berpura-pura mengalami kecederaan teruk selepas menerima pukulan ataupun tendangan bukan pada sasarnya sehingga tidak dapat meneruskan perlawan.

Menurut seorang pegawai, ia dilakukan untuk membolehkan mereka memenangi perlawan tersebut. Ia dilakukan sebagai sebahagian daripada strategi untuk mengutip pingat kerana dalam silat, peserta yang didapati melakukan kecederaan di luar kawasan sasaran yang dibenarkan ke atas pencabarnya, akan dibatalkan penyertannya itu. **- 8 MAR 1990**

● JIKA di Singapura barangkali kita tidak pernah melihat jurugambar televisyen yang terdiri daripada kaum wanita.

Tetapi di Brunei terdapat wanita yang mempunyai minat yang serupa seperti kaum lelaki. Beliau ditugaskan untuk membuat liputan acara silat.

Bercakap mengenai wanita, terdapat wasit yang mengadili acara silat yang terdiri daripada wanita. Tetapi jangan cuba main-main kerana wanita itu juga dulunya seorang pesilat handalan.

- 8 MAR 1990

Enam pesilat ke akhir

SUKAN MELAKA & BRUNEI

MAZLAN Shaari layak ke pertarungan akhir silat apabila mengalahkan pesilat tuan rumah, Haji Ismerul Iqbal Haji Puteh, pada separuh akhir semalam.

Turut mara ke pertarungan akhir ialah Zaleha Suradi bagi Kelas E, Ahmad Wardi Salim (B), Zakaria Hamzah (H), Ruzaidi Abdul Rahman (F) dan Zainal Amat (Kelas Bebas).

Zainal mencatat keputusan TKO ke atas pesilat tuan rumah, Mu-laidhy Rizal.

Ruzaidi begitu tangkas untuk mematahkan langkah Jamal Jantan dari Singapura. Pemenang pingat emas Sukan SEA itu, begitutentang mematah se-rangan lawan dan tangkas betindak balas bagi mengutip mata.

Zakaria yang masih mentah di gelanggang silat hampir menghadapi kesulitan di babak ke-

3. Harlan (M)
tiga kepada Yunus Haji Sali dari Brunei.

Khairi yang diharapkan untuk menyumbang pingat emas terpaksa akur dengan kesilapan sendiri apabila lawanya, Sufree Chali (Brunei A) diisyiatir menang percu-ma selepas mengalami kecederaan muka.

Begitupun, peluang Malaysia untuk mengutip sekurang-kurang

- 8 MAR 1990
lima pingat emas tetap cerah.

Turut kecundang ialah Hamidah Mahat yang dikecewakan oleh Da-yangku Nani Suryati Pengiran Hussain.

Hanya dua pesilat wa-nita negara masih berta-han iaitu Rohana Manap dan Zaleha Suradi. Zale-ha menumpaskan Azlina Abdul Rahim dari Singa-pura.